

09 AUG 1999

Sekolah-Bangunan

MURID TUA, MASYARAKAT SUMBANG RM1 JUTA BINA SEKOLAH

Oleh: Mohamed Nasir Yusoff

BANTING, 9 Ogos (Bernama) -- Cinta dan rasa terhutang budi murid-murid tua dan anggota masyarakat terhadap sekolah kadang-kadang memungkinkan suatu "keajaiban" berlaku.

Ini terjadi dalam bentuk tersergamnya sebuah bangunan empat tingkat yang menempatkan 12 bilik darjah, dua buah makmal, surau, bilik guru dan sebuah bangunan dewan besar di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Methodist, sekolah menengah dan sekolah berbahasa perantara Inggeris pertama di daerah Kuala Langat.

Bangunan sekolah dan dewan itu yang bernilai RM1 juta terbina hasil sumbangan sekecil-kecil 50 sen hinggalah sebanyak RM50,000 daripada ribuan ibu bapa melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru, persatuan bekas pelajarnya, Mesopa, masyarakat setempat dan murid-murid tuanya yang berjaya.

"Sumbangan itu dikumpulkan sejak lebih 11 tahun lalu, yang terpaksa dilakukan untuk mendirikan bangunan tambahan ini kerana SMK Methodist ialah sekolah bantuan modal bukan milik kerajaan," kata Pengetuanya Puan Alice George pada persidangan berita mengenai perasmian bangunan itu di sini, hari ini.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual merasmikan bangunan tambahan itu pada Sabtu ini, yang dijangka turut dihadiri ribuan murid tua sekolah itu.

Alice berkata yang menjadi kebanggaan ialah impian pengurusan sekolah itu yang berjaya mengumpulkan kira-kira RM500,000 hasil pelbagai aktiviti sepanjang 11 tahun itu, dijadikan kenyataan oleh seorang murid tua SMK Methodist sendiri, yang kini seorang tokoh korporat pembangunan hartanah.

"Saya tidak tahu bagaimana beliau melakukannya tetapi beliaulah yang menggenapkan kos dan menguruskan pembinaannya bermula dengan kerja menanam cerucuk pada Mei 1999 dan siap untuk dirasmikan Sabtu ini," katanya.

Beliau menganggapnya suatu keajaiban tentang kecintaan dan rasa terima kasih terhadap sekolah lama, bukan sahaja oleh tokoh korporat itu tetapi juga ribuan yang lain yang selama lebih 11 tahun berkongsi impian itu melalui aktiviti mengutip derma seperti jogaton, mencari harta karun dan jamuan malam.

Alice enggan menamakan tokoh korporat itu sebagai menghormati permintaan beliau sendiri.

Menurutnya bangunan dewan besar yang mampu menampung 500 pelajar itu dinamakan Dewan Mustapha Kamal, sempena nama Pengerusi Eksekutif Syarikat Kumpulan Emkay, Tan Sri Mustapha Kamal Abu Bakar.

SMK Methodist yang didirikan pada tahun 1957 dengan hanya bangunan kayu yang menempatkan enam bilik darjah, kini mempunyai tiga blok bangunan konkrit yang mempunyai 42 bilik darjah yang menampung 1,800 murid lelaki dan perempuan.

Satu daripada blok bangunan dua tingkat sekolah itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menjadi Menteri Pendidikan pada tahun 1976.

Mustapha merupakan pelajar Sekolah Rendah Methodist yang bersebelahan dari darjah satu dan ke SMK Methodist hinggalah tamat tingkatan lima pada tahun 1965 kerana bapanya pada masa itu berkhidmat sebagai Pegawai Pertanian Daerah dan mendiami kuarters kerajaan di situ.

Bekas pengetua SMK Methodist, I. Selladurai, 56, yang juga bekas murid tua sekolah itu merupakan orang yang mengilhamkan pembinaan bangunan baru itu sejak tahun 1986 dan mendapat semangat untuk meneruskan impiannya itu

setelah mengemukakan cadangan kepada Mustapha yang terus menyetujuinya.

"Pembinaan ini menjadi projek masyarakat setempat kerana hampir 90 peratus penduduk di daerah Kuala Langat merupakan murid tua sekolah ini atau mempunyai anak yang pernah belajar di sini... lantaran itu mereka tidak keberatan memberi setiap kali derma dan sumbangan diperlukan," katanya.

Antara murid tuanya yang lain ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, beberapa orang bekas wakil rakyat dan ADUN Teluk Datok sekarang Ei Kim Hock dan penembak negara ke Sukan Sea yang pernah memenangi pingat emas Abdul Mutalib Abdul Razak.

-- BERNAMA

MNY NMO